BAB

# 11 Penduduk dan Petempatan di Asia Tenggara

Jawapan

## BAHAGIAN A

### 11.1 Taburan Penduduk di Asia Tenggara

1 Apakah negara yang mempunyai jumlah penduduk paling sedikit di Asia Tenggara?

A Vietnam
B Kemboja
C Timor Leste
D Brunei Darussalam

2 Antara berikut, yang manakah negara yang mengalami kepadatan penduduk paling tinggi di Asia Tenggara?

A Filipina C Kemboja
B Singapura D Malaysia

3 Maklumat berikut tentang negara Asia Tenggara.

- Jumlah penduduk tertinggi di Asia Tenggara
- Anggaran jumlah penduduk: 260 834 826 (Tahun 2016)

Apakah negara tersebut?

A Laos
B Kemboja
C Indonesia
D Brunei Darussalam

4 Apakah bandar utama yang mengalami penduduk padat di Asia Tenggara?

A Sulawesi
B Bangkok
C Banjaran Annam
D Pantai barat Sumatera

5 Maklumat berkaitan taburan penduduk di Asia Tenggara.

Pantai barat Sumatera (Indonesia)

Apakah taburan penduduk di kawasan tersebut?

A Padat
B Jarang
C Sederhana
D Sangat padat

6 Peta menunjukkan taburan penduduk di Asia Tenggara.




Peta: ASIA TENGGARA

Apakah kawasan yang mengalami penduduk padat kerana aktiviti pertanian?

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7 Apakah ciri kawasan berpenduduk jarang di Asia Tenggara?

A Tanah pamah beralun
B Kawasan bandar baharu
C Tebing sungai yang subur
D Jaringan perhubungan terhad

8 Antara berikut, kawasan yang manakah mengalami penduduk jarang disebabkan bentuk muka bumi yang bergunung-ganang di Asia Tenggara?

I Sumatera Timur
II Banjaran Annam
III Pedalaman Sarawak
IV Pinggir Sungai Mekong

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

9 Maklumat berkaitan taburan penduduk di Asia Tenggara.

Pulau Jawa (Indonesia)

Mengapakah kawasan tersebut berpenduduk padat?

A Kawasan bersaliran buruk
B Iklim yang panas sederhana
C Sistem pengangkutan yang baik
D Tanah subur dari lava gunung berapi

10 Apakah faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di Asia Tenggara?

I Iklim
II Jenis tanih
III Kegiatan ekonomi
IV Bentuk muka bumi

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV



### 11.2 Fungsi-fungsi Petempatan Bandar Utama di Asia Tenggara

11 Apakah bandar raya yang berfungsi sebagai ibu negara Filipina?

A Dili
B Hanoi
C Manila
D Phnom Penh

12 Maklumat berikut menunjukkan lokasi tersebut.

- Bandung (Indonesia)
- Orchard Road (Singapura)

Apakah persamaan fungsi lokasi tersebut?

A Pusat pendidikan
B Pusat perdagangan
C Pusat perindustrian
D Pusat pengangkutan

13 Antara berikut pasangan yang manakah betul?

| | Bandar | Fungsi |
|---|---|---|
| A | Manila | Pusat industri desa |
| B | Jakarta | Pusat pelancongan |
| C | Singapura | Pusat pendidikan |
| D | Bandar Seri Begawan | Pusat perdagangan |

14 Maklumat berkaitan bandar utama di Asia Tenggara.

- Bandar metropolitan terbesar di Indonesia
- Terletaknya Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta

Apakah bandar utama yang berkaitan dengan maklumat tersebut?

A Bogor C Jakarta
B Manila D Surabaya

15 Maklumat merujuk kepada fungsi petempatan bandar di Asia Tenggara.

- Berpenduduk padat
- Industri makanan
- Industri elektrik dan elektronik

Apakah petempatan bandar tersebut?

A Manila
B Bangkok
C Singapura
D Naypyidaw

16 Foto menunjukkan kawasan pelancongan bandar utama di Asia Tenggara.



Apakah bandar tersebut?

A Jakarta
B Bangkok
C Singapura
D Kuala Lumpur

17 Maklumat berkaitan petempatan bandar utama di Asia Tenggara.

- Terkenal dengan bandar pelabuhan
- Terkenal dengan jolokan 'Venice Timur'

Apakah bandar tersebut?

A Hanoi
B Manila
C Jakarta
D Bangkok

18 Maklumat berkaitan bandar utama di Asia Tenggara.

- Pusat pendidikan
- Pusat perdagangan
- Bandar metropolitan terbesar

Apakah bandar tersebut?

I Jakarta
II Bangkok
III Singapura
IV Kuala Lumpur

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

19 Apakah bandar utama di Asia Tenggara yang dikaitkan dengan pusat kewangan dan perdagangan antarabangsa.

A Manila
B Jakarta
C Singapura
D Kuala Lumpur

20 Antara berikut, yang manakah bandar raya kosmopolitan yang terletak di Pulau Luzon?

A Manila
B Vietnam
C Kemboja
D Timor Leste



CamScanner
LIVEWORKSHEETS